

Bekas speaker BN Perak dilantik sebagai pengerusi MIC Perak
Malaysian Insider
June 21, 2013
Oleh Md Izwan

Datuk R. Ganesan dan S. Karappanan kedua-duanya dilantik sebagai pengerusi MIC bagi negeri Perak dan Pulau Pinang kata Datuk Seri G. Palanivel hari ini.

Menurut menteri sumber asli dan alam sekitar itu, dengan latarbelakang kedua-dua pemimpin sebagai peguam, MIC bagi negeri Perak dan Pulau Pinang dapat diperkukuhkan.

It's important to strengthen both Perak and Penang state MIC.

"Adalah penting untuk memperkuatkan kedua-dua MIC bagi negeri Perak dan Pulau Pinang," kata Palanivel dalam satu kenyataan hari ini.

Ganesan dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada tahun 2009 sebaik sahaja BN merampas semula negeri itu yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya 2008.

Sebelum itu V. Sivakumar dari DAP, merupakan Speaker DUN pertama dari kalangan masyarakat India bagi negeri Perak.

Timbul pertikaian diantara MIC dan Umno Perak apabila Palanivel meminta Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir agar menyerahkan jawatan Speaker DUN atau berhadapan dengan pemboikotan MIC di negeri itu daripada sebarang jawatan kerajaan.

Sementara Karappanan yang dilantik sebagai pengerusi MIC Pulau Pinang juga merupakan ketua bahagian parti itu bagi Bukit Bandaraya. - 21 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekas-speaker-bn-perak-dilantik-sebagai-pengerusi-mic-perak/>